

24 JUN 2003

Mahathir-Myanmar

SITUASI DI MYANMAR JADIKAN ASEAN SERBA SALAH, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 24 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata penahanan pemimpin pro-demokrasi Myanmar, Aung San Syu Kyi oleh kerajaan negara itu meletakkan Asean dalam keadaan serba salah.

Perdana Menteri berharap Yangon akan membebaskan pemenang Hadiah Nobel bagi Keamanan itu secepat mungkin.

"Saya harap kerajaan Myanmar mengambilkira pandangan negara-negara lain dalam perkara ini, terutamanya yang dinyatakan oleh Asean.

"Kerana penahanan itu menjadikan Asean serba salah," katanya kepada pemberita ketika ditanya tentang tindakan kerajaan tentera Myanmar yang terus menahan Syu Kyi sejak 30 Mei lepas berikutan pertempuran antara para penyokongnya dan kumpulan pro-kerajaan.

Semasa bercakap pada sidang berita di pejabatnya di sini bagi mengumumkan perubahan kecil dalam barisan Kabinet yang antara lain menyaksikan pelantikan Timbalan Presiden MCA yang baru, Datuk Chan Kong Choy sebagai Menteri Pengangkutan menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Asean dianggotai Brunei, Indonesia, Myanmar, Kemboja, Singapura, Thailand, Laos, Vietnam, Malaysia dan Filipina.

Dr Mahathir turut ditanya tentang sebuah rencana majalah Asian Wall Street Journal yang mengkritiknya berhubung ucapan beliau ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno Ke-54 minggu lepas yang mendedahkan bangsa Eropah sebagai bangsa yang suka berperang dan menakluk negara lain.

Ia turut mendakwa Dr Mahathir cuba meraih populariti di saat-saat akhir sebelum melepaskan jawatan pada Oktober ini.

"Orang Eropah juga mesti menerima hakikat yang sementara mereka boleh memandang kritikal terhadap yang lain, yang lain juga boleh memandang kritikal terhadap mereka," dan menambah kata apa yang beliau katakan dalam ucapannya adalah berdasarkan kepada fakta.

"Tidak berat sebelah. Kita perlu tahu siapa mereka dalam berurusan dengan mereka," katanya.

Mengenai dakwaan beliau mencari populariti, Dr Mahathir berkata beliau tidak memerlukan populariti sekarang ini memandangkan beliau akan berundur daripada kerajaan pada Oktober.

"Bagi saya, saya akan berundur...mengapa saya perlu sibuk," katanya.

Mengenai sama ada kata-kata beliau menentang orang Eropah akan menjejaskan pelaburan di Malaysia, Dr Mahathir percaya ini bukan kesnya.

Beliau berkata ahli perniagaan asing mengenali negara dan memahami kritikan beliau adalah ditujukan kepada dasar-dasar beberapa daripada kerajaan mereka yang dianggap memudaratkan kepentingan tempatan.

-- BERNAMA

MAM MAD PR